

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI (PENETAPAN SEKURITI
ISLAM) 2004

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2B dan 124 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [Akta 498], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Penetapan Sekuriti Islam) 2004**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Julai 2004.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Garis Panduan” ertiya Garis Panduan Tawaran Sekuriti Islam yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya;

“sekuriti Islam” ertiya—

- (a) mana-mana produk atau surat cara yang disediakan, ditawarkan untuk langganan atau pembelian, atau diterbitkan menurut prinsip Syariah *Mudharabah* atau *Musyarakah*; atau

- (b) mana-mana *sukuk* yang diterbitkan menurut apa-apa konsep atau prinsip Syariah; dan
- yang telah ditetapkan sebagai sekuriti Islam di bawah Garis Panduan Sekuriti Islam yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

Pemakaian Penggal 4 Bahagian IV Akta

3. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri menetapkan sekuriti Islam sebagai “sekuriti” bagi maksud pemakaian peruntukan Penggal 4 Bahagian IV Akta bagi sekuriti Islam itu.
- (2) Apa-apa pelawaan, tawaran atau terbitan sekuriti Islam hendaklah mematuhi kehendak Garis Panduan.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa sebutan tentang terma “peminjam” dalam Penggal 4 Bahagian IV Akta hendaklah dikira sebagai sebutan tentang penerbit sekuriti Islam bagi maksud pemakaian peruntukan itu bagi sekuriti Islam.

Ketidakpakaian Penggal 5 Bahagian IV Akta

4. Jika suatu perkiraan skim amanah saham atau skim pelaburan yang ditetapkan melibatkan penerbitan sekuriti Islam, Menteri, atas syor Suruhanjaya, menetapkan bahawa sekuriti Islam itu tidak tertakluk kepada peruntukan Penggal 5 Bahagian IV Akta.

Dibuat 2 Julai 2004

[(8.02)248/23-49(Sj. 18); PN(PU²)523/II]

TAN SRI NOR MOHAMED YAKCOP
Menteri Kewangan Kedua